



SIJIL IKHLAS KEMBARA TAKAFUL

SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Kemalangan Diri Anda.

PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Syarikat.
4. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Jadual menunjukkan pelan perlindungan yang telah anda pilih, Amaun Perlindungan dan sebarang syarat-syarat khas yang berkaitan dengan Sijil Takaful anda. Untuk memastikan ia melindungi apa yang anda perlukan, sila baca Sijil Takaful dan Jadual Takaful ini.
6. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

Kontrak Takaful Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual/Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang cadangan/ permohonan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan permohonan/ cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini memcerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

Kontrak Takaful Komersil (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika Anda memohon untuk Sijil Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan permohonan / cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Sijil Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh anda Akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **“Kemalangan”** bermaksud sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar kawalan Orang Yang Dilindungi yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.
2. **“Manfaat”** bermaksud jumlah perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
3. **“Kecederaan Tubuh Badan”** bermaksud kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi berpunca daripada musibah atau malapetaka yang tidak diduga, secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan di luar kawalan seseorang.
4. **“pihak Syarikat, Kami”** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana-mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
5. **“Endosmen”** bermaksud bukti bertulis untuk sebarang perubahan ke atas Sijil Takaful asal.
6. **“Musibah”** bermaksud Kecederaan Tubuh Badan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi berpunca dari kejadian atau peristiwa yang tidak disangka, secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan di luar kawalan. Musibah ini menyebabkan kematian atau keilatan kekal kepada Orang Yang Dilindungi.
7. **“Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA)”** Akaun di mana Sumbangan Takaful awal Peserta Takaful untuk produk Takaful Am dibuat.
8. **“Orang yang Dilindungi”** bermaksud seseorang yang dilindungi di bawah Sijil takaful seperti yang disenaraikan oleh Peserta Takaful
9. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
10. **“Tempoh Takaful”** bermaksud tempoh perlindungan yang tertera di dalam Jadual.
11. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
12. **“Dana Risiko”** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
13. **“Jadual”** bermaksud maklumat yang merangkumi profil Peserta Takaful, Manfaat, Sumbangan Takaful dan tempoh perlindungan Takaful yang dilampirkan bersama-sama dengan Sijil Takaful.
14. **“Tabarru’”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
15. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
16. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusan berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
17. **“Sijil Takaful”** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.

18. **“Sumbangan Takaful”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
19. **“Peserta Takaful/ Anda”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta”.
20. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

PERUNTUKAN AM

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini akan melindungi Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang berpunca dari:-

RAMPASAN Perlindungan Sijil Takaful ini akan terus berkuat kuasa walaupun ketika Orang Yang Dilindungi di bawah kawalan pihak pengkhianat atau anasir-anasir yang bersekutu dengannya, ketika di dalam perjalanan terus ke tempat tinggal domisil dan/ atau ke destinasi asal Orang Yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Rampasan. Untuk tujuan Sijil Takaful ini, Rampasan bermaksud, penawanan atau perbuatan yang berlawanan dari aktiviti rutin bagi sesuatu pesawat udara atau krew, di mana Orang Yang Dilindungi menjadi salah seorang penumpang.

PERUNTUKAN KHAS

Manfaat	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)
Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Akibat Kemalangan**	10,000.00	20,000.00
Perbelanjaan Pengebumian	500.00	1,000.00
Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan	1,000.00	2,000.00
Perlindungan Bagasi	1,000.00 dengan had 200.00 setiap item	2,000.00 dengan had 400.00 setiap item
Perbelanjaan Perubatan	1,000.00	2,000.00
Elaun Hospital	2,500.00	5,000.00
Liabiliti Diri	50,000.00	100,000.00

** Sila rujuk kepada Jadual Manfaat untuk Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal di bawah

1. KEMATIAN ATAU HILANG KEUPAYAAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya berlaku kematian atau hilang keupayaan kekal terhadap Orang Yang Dilindungi disebabkan Kemalangan semasa perjalanan, sejumlah RM 10,000 untuk Pelan A dan RM 20,000.00 untuk Pelan B setiap seorang akan dibayar kepada waris atau keluarga terdekat.

Manfaat-manfaat yang diperuntukkan di bawah seksyen ini adalah seperti di dalam Jadual Manfaat di bawah. Tiada jumlah yang akan dibayar lebih daripada satu (1) perkara yang dinyatakan di bawah untuk kecederaan terhadap Orang Yang Dilindungi akibat daripada musibah yang sama.

Jadual Manfaat bagi Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Akibat Kemalangan

	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)
Kematian	10,000.00	20,000.00
Kehilangan kedua belah tangan atau kedua belah kaki	10,000.00	20,000.00
Kehilangan keseluruhan penglihatan	10,000.00	20,000.00
Kehilangan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan dan sebelah kaki	10,000.00	20,000.00
Kehilangan sebelah tangan atau sebelah kaki	5,000.00	10,000.00
Kehilangan penglihatan sebelah mata	5,000.00	10,000.00

2. PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengebumian apabila berlakunya kematian akibat Kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi.

3. PEMBATALAN ATAU PEMENDEKKAN PERJALANAN

Pelan ini akan membayar untuk kerugian ke atas tempat penginapan dan/atau pengangkutan berbayar dan caj rombongan jika perlu bagi Orang Yang Dilindungi untuk membatalkan atau memendekkan perjalanan akibat daripada kematian, kecederaan atau penyakit terhadap dirinya sendiri atau ahli keluarga terdekat yang memerlukan rawatan di hospital selama lebih daripada empat puluh lapan (48) jam.

4. PERLINDUNGAN BAGASI

Pelan ini akan memberikan perlindungan sekiranya bagasi peribadi hilang atau rosak disebabkan oleh Kemalangan atau ditimpa musibah dan mengganti rugi Orang Yang Dilindungi terhadap item yang dilindungi sehingga keseluruhan had monetori seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. Terdapat pelbagai had monetori yang diguna pakai bagi seksyen ini iaitu seperti:

- i) Sejumlah RM 1,000.00 untuk Pelan A dan RM 2,000.00 untuk Pelan B seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- ii) Had bagi satu perkara ialah 20% daripada jumlah keseluruhan had di bawah seksyen ini, melainkan perkara tersebut dinyatakan secara spesifik dan dinyatakan di dalam Jadual.
- iii) Had bagi cek pengembara, tiket perjalanan, kupon-kupon dan passport. Had ini adalah tertakluk kepada maksimum 20% daripada jumlah keseluruhan had di bawah seksyen ini.

Pemberitahuan untuk kehilangan bagasi hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam ia disedari semasa tempoh takaful.

5. PERBELANJAAN PERUBATAN

Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan adalah sehingga jumlah seperti yang tertera di dalam Jadual.

6. ELAUN HOSPITAL

Manfaat kemasukan hospital sebanyak RM2,500 maksimum seorang untuk Pelan A (RM25 sehari) dan RM5,000 maksimum seorang untuk Pelan B (RM50 sehari) sekiranya kemasukan ke hospital akibat kemalangan semasa dalam perjalanan.

Kos rawatan di hospital sebagai pesakit dalam sahaja akan disediakan jika kemasukan adalah lebih daripada 1 hari.

Bil hospital yang asal hendaklah juga diserahkan kepada Syarikat.

7. LIABILITI DIRI

Pelan ini membayar sebarang caj liabiliti undang-undang untuk Kecederaan Tubuh Badan atau kerosakan terhadap harta benda yang ditanggung oleh pihak ketiga akibat daripada tindakan atau aktiviti-aktiviti peribadi yang dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi pada masa perjalanan sehingga jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersil. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersil

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3. HAD UMUR

Orang Yang Dilindungi mestilah berumur tidak kurang dari tiga (3) tahun atau tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun ketika membuat permohonan.

4. PRA-SYARAT KEPADA TANGGUNGAN SYARIKAT

Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatal dengan sendirinya apabila:

- (a) Jika sebarang Cadangan atau Akuan Peserta Takaful didapati tidak benar, atau jika apa-apa fakta penting berkaitan Peserta Takaful yang diberikan tidak tepat, atau tidak dimaklumkan secara sengaja oleh Peserta Takaful;
- (b) Jika Sijil Takaful ini atau mana-mana pembaharuan yang diperolehi melalui sebarang kesilapan pernyataan, kesilapan penyampaian atau menyembunyikan sebarang fakta; atau
- (c) jika sebarang tuntutan yang dibuat tidak benar atau melibatkan penipuan atau dibesar-besarkan atau akuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong sebarang tuntutan.

5. PERUBAHAN MAKLUMAT

Peserta Takaful hendaklah memberi notis dengan segera kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, pekerjaan, hobi atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah menjejaskan Peserta Takaful.

Semua notis yang mana Peserta Takaful perlu mengemukakannya kepada pihak Syarikat mestilah diajukan secara bertulis yang dialamatkan kepada pihak Syarikat dan tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini atau endosmen ke atas Sijil Takaful ini dianggap sah melainkan jika ditandatangani atau disahkan oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat.

Peserta Takaful juga harus memberitahu pihak Syarikat mengenai Pengendali Takaful lain (kecuali kupon atau berkaitan dengan Sijil Takaful Takaful Motor) yang turut menerima kesan akibat Kemalangan dan/ atau ketidakupayaan yang berkenaan.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pihak Syarikat boleh mengubah, meminda atau mengubahsuai mana-mana bahagian Sijil Takaful, tidak terhad kepada Jadual atau Borang Cadangan mengikut budi bicaranya, dengan memberikan Peserta Takaful tempoh yang mencukupi mengenai pindaan dan perubahan tersebut.

6. PROSEDUR TUNTUTAN

Dalam kes kematian atau hilang keupayaan kekal yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini:

- (a) Orang Yang Dilindungi hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam Sijil Takaful ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Orang Yang Dilindungi boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

Sekiranya Sumbangan Takaful tidak berbayar, amaun tertunggak akan ditolak daripada jumlah penyelesaian, yang mengakibatkan jumlah manfaat menjadi kurang daripada Amaun Perlindungan yang tertera di dalam Jadual.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan di bawah Sijil Takaful ini sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut diberikan mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.

Segala maklumat dan bukti di dalam bentuk dan keadaan yang diperlukan oleh pihak Syarikat hendaklah disediakan oleh Peserta Takaful atau wakil sah Peserta Takaful, di atas tanggungannya sendiri. Peserta Takaful hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan seberapa kerap yang diperlukan, di atas tanggungannya sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan Kecederaan Tubuh Badan. Dalam kes kematian Orang Yang Dilindungi, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada pihak Syarikat sebelum pengkebumian atau pembakaran dijalankan, dan pihak Syarikat boleh menghantar wakil Syarikat semasa pemeriksaan post mortem ke atas mayat Orang Yang Dilindungi. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menjalankan autopsi ke atas Orang Yang Dilindungi di atas tanggungan pihak Syarikat sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang. Notis mengenai masa dan tempat autopsi ke atas Orang Yang Dilindungi hendaklah diberikan kepada pihak Syarikat sebaik sahaja Peserta Takaful mengetahui mengeniannya.

7. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

8. PEMBATALAN

Takaful di bawah Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum luput. Sijil Takaful ini juga boleh ditamatkan atas sebarang sebab menurut pilihan pihak Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Yuran pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

9. PEMBAHARUAN

Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memberi notis kepada Peserta Takaful untuk memaklumkan bahawa Sumbangan Takaful pembaharuan pada tarikh Sijil Takaful tamat tempoh dan perlu dibayar dengan serta-merta kepada Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat Sijil Takaful; walau bagaimanapun dengan sekatan tempoh empat belas (14) hari itu, pihak Syarikat akan tetap bertanggungjawab untuk membayar Pampasan yang berkenaan jika pada hari ke-14, Sumbangan Takaful itu sebenarnya telah dibayar melainkan jika pihak Syarikat atau Peserta Takaful diberikan notis bahawa perlindungan tidak akan diperbaharui. Pihak Syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan dan Sijil Takaful tidak boleh diperbaharui selepas tahun perlindungan di mana Peserta Takaful mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.

10. PENIMBANGTARAAN

Sebarang percanggahan yang timbul daripada Sijil Takaful ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbangtara tunggal yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan atau jika tidak boleh dipersetujui dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh khilaf tersebut, dua Penimbangtara, setiap satu dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak. Dalam kes di mana pihak-pihak berkenaan atau para Penimbangtara menyifatkan lebih sesuai, para Penimbangtara boleh bersetuju untuk melantik seorang Pengadil sebelum memulakan rujukan itu. Pengadil tersebut hendaklah bersidang bersama para Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat dan membuat keputusan mengenai Anugerah yang akan menjadi syarat duluan kepada sebarang tindakan ke atas pihak Syarikat. Kos timbangtara dan kos lain yang berkaitan hendaklah selaras dengan keputusan para Penimbangtara atau Pengadil. Walau bagaimanapun, semua kos awal bagi pelantikan dan rujukan hendaklah ditanggung dan dibayar dengan serta-merta oleh Peserta Takaful. Jika pihak Syarikat menolak tanggungan kepada Peserta Takaful bagi sebarang tuntutan dan tuntutan itu tidak dirujuk untuk timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh penafian tuntutan, maka tuntutan itu hendaklah disifatkan telah terbenkalkal dan tidak boleh dibuka semula selepas itu di bawah peruntukan ini.

Kematian mana-mana pihak tidak boleh membatalkan atau menjejaskan kuasa Penimbangtara, para

Penimbangtara atau Pengadil masing-masing; dan sekiranya berlaku kematian Penimbangtara atau Pengadil, seorang lagi hendaklah dilantik untuk menggantikannya oleh pihak atau Penimbangtara (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang telah melantik Penimbangtara atau Pengadil tersebut. Dan dengan ini ditetapkan dan diisytiharkan bahawa adalah menjadi syarat terdahulu kepada hak tindakan atau guaman ke atas Sijil Takaful ini, bahawa keputusan oleh Penimbangtara, para Penimbangtara atau Pengadil mengenai jumlah kehilangan atau kerosakan yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

Dalam mana-mana keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya kehilangan tersebut melainkan jika tuntutan itu adalah tertakluk kepada tindakan mahkamah yang belum selesai atau timbangtara.

11. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Pembayaran Sumbangan Takaful oleh Peserta Takaful seperti yang diterangkan dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam GRIA di mana pihak Syarikat diberi kuasa untuk mengurus mengikut prinsip Wakalah sebagaimana yang ditakrif oleh pihak Syarikat dan berlandaskan prinsip Syariah. Pihak Syarikat akan mengenakan yuran Wakalah sekali gus pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa sehingga 60% daripada Sumbangan Takaful dan baki Sumbangan Takaful akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

12. LEBIHAN

Pada setiap akhir tahun kewangan, Aktuari akan menilai kedudukan lebihan di dalam Dana Risiko, untuk memelihara kemampanan dana untuk jangka panjang. Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Caj ke atas pembiayaan ini hendaklah diambil kira terlebih dahulu bila mana lebihan diperolehi pada masa hadapan.

Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

13. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat, dan Endosmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

14. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain.

15. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana jua disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

16. SERAH HAK

Tiada sebarang kepentingan serah hak berkaitan dengan Sijil Takaful ini yang akan mengikat pihak Syarikat melainkan dipersetujui terlebih dahulu oleh pihak Syarikat, di mana satu salinan serah hak yang diperakui benar dan Sijil Takaful asal diserahkan kepada Syarikat di Ibu Pejabat.

17. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

18. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak bercadang untuk dan tidak melindungi:

1. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
 - (b) Sebarang kegiatan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.
 - (c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
 - (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Orang Yang Dilindungi;
 - (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
 - (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat kemalangan;
 - (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
 - (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
 - (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
 - (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan diambil mengikut preskripsi yang dibenarkan;
 - (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

2. Kematian atau Hilang Keupayaan atau mana-mana kehilangan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi:
 - (a) ketika mengendalikan atau menunggang kenderaan bermotor beroda-dua sebagai sukan atau untuk sebarang tujuan lain;
 - (b) semasa menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal kecuali alat mudah-alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran;
 - (c) semasa dalam penerbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat berlesen untuk perkhidmatan penumpang. (Perkataan 'penumpang' tidak termasuk anggota anak kapal atau orang yang terlibat dalam apa-apa pengendalian teknikal atau navigasi di dalam atau di atas pesawat);
 - (d) semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
3. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi terlibat di dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, mendaki di kawasan terpencil yang berlesen, bermain hoki ais, bermain polo, lumba kuda berhalang, mencuci menara, sukan musim sejuk, kapal layar, melompat ski-air, aktiviti menyelam, belon udara panas, aktiviti payung terjun, terjun lelabah atau sebarang sukan terjun udara, aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan atau menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki), pacesetting atau menyertai mana-mana ujian kelajuan, kebolehpercayaan atau ujian lain.
4. Kematian atau Hilang Keupayaan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana jua sindrom ini telah didapati atau mungkin dinamakan.
5. Kematian atau Hilang Keupayaan yang dialami yang disebabkan oleh:
 - (a) pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear bagi tujuan pengecualian ini pembakaran termasuk sebarang proses berdikari pembelahan nuklear;
 - (b) bahan senjata nuklear.
6. Kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya:
 - (a) oleh apa-apa jenis penyakit yang lain;
 - (b) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini);
 - (c) semasa Orang Yang Dilindungi di bawah pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah semasa memandu;
 - (d) semasa kenderaan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk di mana ia digunakan sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang);
7. Sebarang kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
8. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuaiannya, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan kemalangan atau kerosakan kepada penumpang.
9. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.

10. Orang Yang Dilindungi yang terlibat dalam Perjalanan Udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat pelbagai enjin berlesen yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersil, atau dimiliki atau dikendalikan oleh syarikat komersil yang diiktiraf.
11. Pendedahan sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), atau perbuatan jenayah Orang Yang Dilindungi sendiri.
12. Sekiranya Orang Yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, aktiviti sukan atau aktiviti masa lapang yang melibatkan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Sijil Takaful ini, tanpa Orang Yang Dilindungi memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Syarikat dan mendapatkan kebenaran bertulis untuk meminda Sijil Takaful ini (tertakluk kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dirasakan munasabah oleh pihak Syarikat), tiada tuntutan akan dibayar ke atas musibah yang di alami.
13. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh:
 - (a) Sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, kemusnahan, dan sekatan;
 - (b) Kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau peralatan yang disewa; menguji apa-apa jenis kenderaan.
14. Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
 - (a) Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
 - (b) Kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
 - (c) Perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Orang Yang Dilindungi sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi), atau
 - (d) Aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.
15. Yang timbul daripada aktiviti-aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan dengan tujuan rekreasi, pemasangan minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian letupan.
16. Kerugian turutan atau kerosakan dalam apa-apa bentuk.
17. tuntutan yang disebabkan atau akibat
 - (a) Orang Yang Dilindungi mengembara, atau bertentangan dengan nasihat perubatan, atau apabila perjalanan dibuat semata-mata;
 - (c) daripada gangguan mental dan saraf, termasuk gila.
18. kepada orang-orang yang di bawah umur tiga (3) dan melebihi umur enam puluh lima (65) tahun.

WARANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Sijil Takaful ini dimana Sumbangan Takaful mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, secara langsung Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terbatal.

- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan, terletak pada Pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFUL INI.

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998
Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut

<p>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel: 603 2272 2811 Faks: 603 2272 1577 Emel: enquiry@ofs.org.my Laman sesawang: www.ofs.org.my</p>	<p>Contact Centre (BNMTELELINK) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Faks : 03-21741515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
--	--